


Suara

MITASA



PEMANGKIN KEJAYAAN BERSAMA



OMBUDSMAN
DAN UNIVERSITI

MESYUARAT AGUNG
TRI TAHUNAN MITASA
2025-2028

MAJLIS SAMBUTAN HARI
DAN BULAN AKADEMIKA
UITM 2025

PEMBENTANGAN LIMA KERTAS KERJA
KESETERAAN PENYELIAAN MELIBATKAN
KENAIKAN PANGKAT

WACANA TOKOH: BAHASA DAN JATI DIRI
BANGSA DI KONVENSYEN 152 PERINGKAT
KEBANGSAAN 2025

Ombudsman dan Universiti: Memahami peranan yang dimainkan oleh Ombudsman di dalam membantu dan menyelesaikan isu yang mungkin dihadapi pensyarah

Dr Adlan Abdul Razak

Pensyarah Fakulti Undang-undang,
merangkap Naib Presiden MITASA

Dalam dunia pendidikan tinggi, terutamanya di universiti, pelbagai isu sering timbul antara pensyarah, pelajar, dan pihak pentadbiran. Dalam realiti yang kompleks ini, konflik, salah faham, dan isu integriti sering berlaku. Beban kerja yang tinggi, persaingan dalam penerbitan, isu kenaikan pangkat, serta cabaran hubungan interpersonal menjadikan pensyarah berdepan dengan pelbagai bentuk tekanan.



Justeru, satu bentuk penyelesaian dalaman yang mudah, adil dan tidak memakan masa yang lama dan wang ringgit yang banyak perlu diadakan untuk memberi ruang agar konflik dapat ditangani dengan cara yang lebih baik dan mudah untuk ke semua pihak. Pihak yang bertelagah harus diberi peluang untuk menyelesaikan konflik mereka secara dalaman dengan suasana yang lebih harmoni. Dalam konteks ini, Ombudsman diperkenalkan sebagai mekanisme

sokongan yang bebas, neutral dan sulit. Di banyak negara maju, peranan Ombudsman universiti sudah menjadi amalan biasa. Namun, di Malaysia, konsep ini masih baru dan memerlukan pemahaman mendalam untuk dinilai keberkesanannya.

Secara umumnya, Ombudsman ialah seorang pegawai atau pejabat yang dilantik oleh sesebuah organisasi bagi menerima, menyiasat, serta mencari penyelesaian terhadap aduan yang dikemukakan oleh warga institusi tersebut. Ombudsman universiti berfungsi sebagai pihak ketiga yang neutral tidak berpihak kepada pengurusan universiti mahupun kepada individu yang membuat aduan. Ombudsman berperanan penting dalam memastikan keadilan dan penyelesaian konflik yang timbul. Sebagai pihak bebas, Ombudsman berperanan sebagai jambatan komunikasi di antara pensyarah, pelajar dan universiti membantu menyelesaikan pelbagai konflik yang mungkin timbul secara adil dan lebih harmoni serta dipercayai. Artikel ini akan menerangkan apa itu Ombudsman, peranan mereka dalam universiti, serta memberi tumpuan kepada contoh Ombudsman di Universiti Sains Malaysia (USM).

Apa itu Ombudsman?

Ombudsman adalah individu atau pejabat yang ditugaskan untuk menyiasat aduan dan menyelesaikan masalah yang melibatkan pentadbiran awam atau institusi tertentu. Konsep ini bermula di Sweden pada abad ke-18 dan kini telah berkembang ke pelbagai negara di seluruh dunia. Ombudsman bertindak sebagai perantara yang neutral, membantu pihak-pihak yang berkonflik untuk mencapai penyelesaian yang adil.

Di Universiti Sains Malaysia (USM), menurut laman sesawang mereka, pejabat Ombudsmannya diamanahkan untuk menjalankan tanggungjawab bagi menyediakan proses inkuiri aduan dalaman yang bebas, tidak berat sebelah, sulit dan mengikut keadilan dan penyelesaian yang adil dan saksama kepada semua warga Universiti iaitu pekerja dan pelajar Universiti. Di samping itu, Ombudsman Universiti Sains Malaysia boleh membuat syor-syor, yang mana sesuai, kepada Pengurusan Tertinggi Universiti, untuk penambahbaikan proses penyampaian dan sistem perjalanan Universiti.

PERFECTION IS NOT ATTAINABLE.

**BUT IF WE CHASE PERFECTION,
WE CAN CHASE**

EXCELLENCE.